

PANDUAN PENGENDALIAN LATIHAN PROVISIONAL
AHLI FARMASI BERDAFTAR PROVISIONAL (PRP)
SECARA LIBERALISASI DI BAWAH LEMBAGA
FARMASI MALAYSIA

Bahagian Lembaga Farmasi Malaysia
Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia
(Keluaran Tahun 2020)

Kemaskini: Februari 2026

1	OBJEKTIF.....	6
2	LATAR BELAKANG	6
3	JENIS FASILITI LATIHAN LIBERALISASI (FLL).....	6
4	FARMASI KOMUNITI	7
4.1	Kriteria Kelayakan Premis Sebagai FLL PRP	7
4.2	Kriteria Kelayakan Preseptor Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi.....	7
4.3	Proses Pengiktirafan Premis Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi.....	8
4.4	Proses Pengiktirafan Preseptor Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi.....	8
5	HOSPITAL SWASTA.....	9
5.1	Kriteria Kelayakan Premis Sebagai FLL PRP	9
5.2	Kriteria Kelayakan Preseptor Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi.....	9
5.3	Proses Pengiktirafan Premis Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi.....	10
5.4	Proses Pengiktirafan Preseptor Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi.....	10
6	INDUSTRI FARMASEUTIKAL MENGILANG.....	11
6.1	Kriteria Kelayakan Premis Sebagai FLL PRP	11
6.2	Kriteria Kelayakan Preseptor Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi.....	11
6.3	Proses Pengiktirafan Premis Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi.....	12
6.4	Proses Pengiktirafan Preseptor Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi.....	12
7	INDUSTRI FARMASEUTIKAL TIDAK MENGILANG.....	13
7.1	Kriteria Kelayakan Premis Sebagai FLL PRP	13
7.2	Kriteria Kelayakan Preseptor Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi.....	13
7.3	Proses Pengiktirafan Premis Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi.....	14

7.4	Proses Pengiktirafan Preseptor Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi	14
8	R&D AKADEMIA	15
8.1	Kriteria Kelayakan Premis Sebagai FLL PRP	15
8.2	Kriteria Kelayakan Preseptor Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi.....	15
8.3	Proses Pengiktirafan Premis Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi.....	16
8.4	Proses Pengiktirafan Preseptor Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi	16
9	HOSPITAL DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI	17
9.1	Kriteria Kelayakan Premis Sebagai FLL PRP	17
9.2	Kriteria Kelayakan Preseptor Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi.....	17
9.3	Proses Pengiktirafan Premis Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi.....	17
10	HOSPITAL DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN	18
10.1	Kriteria Kelayakan Premis Sebagai FLL PRP	18
10.2	Kriteria Kelayakan Preseptor Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi.....	18
10.3	Proses Pengiktirafan Premis Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi.....	18
11	PELANTIKAN PRP UNTUK MENJALANI LATIHAN PROVISIONAL DI FLL	18
11.1	Pemilihan Calon PRP	18
11.2	Kontrak Pekerjaan.....	19
11.3	Perkhidmatan Wajib Selepas Tamat Latihan PRP	19
12	PERMOHONAN UNTUK MENJALANI LATIHAN PROVISIONAL PRP SECARA LIBERALISASI .	19
13	LATIHAN PROVISIONAL	20
14	LATIHAN SANGKUTAN DI KLINIK KESIHATAN DAN HOSPITAL SEMASA MENJALANI LATIHAN PROVISIONAL PRP SECARA LIBERALISASI.....	21
15	LATIHAN SANGKUTAN DI KLINIK KESIHATAN DI BAWAH KKM	22
15.1	Bagi FLL Farmasi Komuniti.....	22

16	LATIHAN SANGKUTAN DI HOSPITAL DI BAWAH KKM	22
16.1	Bagi FLL Hospital Swasta	22
16.2	Bagi FLL R&D Akademia	23
17	LATIHAN SANGKUTAN DI HOSPITAL SWASTA.....	24
17.1	Bagi FLL Hospital Swasta	24
17.2	Bagi FLL R&D Akademia	24
18	PELANJUTAN TEMPOH LATIHAN / PERUBAHAN TARIKH TAMAT LATIHAN PROVISIONAL PRP SECARA LIBERALISASI	25
18.1	Pelanjutan Tempoh Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi	25
18.2	Perubahan Tarikh Tamat Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi	26
19	PERTUKARAN PRP KEPADA PRESEPTOR BAHARU SEMASA MENJALANI LATIHAN PROVISIONAL PRP SECARA LIBERALISASI	27
20	PENAMATAN LATIHAN PRP SEBELUM TAMAT TEMPOH LATIHAN PROVISIONAL ASAL....	30
21	PERMOHONAN PEMBATALAN NOMBOR PENDAFTARAN AHLI FARMASI PROVISIONAL..	31
22	ADUAN	31
23	TINDAKAN PUNITIF TERHADAP PREMIS DAN/ATAU PRESEPTOR YANG MELANGGAR AKTA DAN POLISI-POLISI LFM	32
24	BUKU LOG.....	35
25	TANGGUNGJAWAB MAJIKAN	35
26	TANGGUNGJAWAB PRESEPTOR.....	36
27	TANGGUNGJAWAB PRP	36
	SENARAI JENIS BORANG PERMOHONAN TERLIBAT DALAM LATIHAN LIBERALISASI PRP....	37
1.	Borang FLL (I)	37
2.	Borang FLL (IA)	37
3.	Borang FLL (II)	37

4. Borang FLL (III)	37
5. Borang FLL (IV)	37
SENARAI NOTIS YANG DIKELUARKAN OLEH BLFM	37
CARTA ALIRAN 1 – PROSES PENGIKTRIFAN FRP SEBAGAI PRESEPTOR (SEKTOR FARMASI KOMUNITI)	38
CARTA ALIRAN 2 - PROSES PENGIKTRIFAN FRP SEBAGAI PRESEPTOR (SEKTOR SELAIN DARIPADA FARMASI KOMUNITI)	39
CARTA ALIRAN 3 – PROSES MEMULAKAN LATIHAN PROVISIONAL PRP SECARA LIBERALISASI DI FLL.....	40
SENARAI KATA SINGKATAN	41

1 OBJEKTIF

- 1.1 Memberi panduan kepada preseptor atau bakal preseptor (Ahli Farmasi Berdaftar Penuh [*Fully Registered Pharmacist (FRP)*] serta majikan premis berkaitan proses-proses yang terlibat bagi pengiktirafan premis dan/atau preseptor untuk mengendalikan latihan provisional Ahli Farmasi Provisional (PRP) secara liberalisasi
- 1.2 Memberi panduan berkaitan isu-isu yang terlibat dalam pengendalian latihan provisional PRP secara liberalisasi
- 1.3 Memberi panduan penggunaan borang-borang yang berkaitan dengan latihan provisional PRP secara liberalisasi

2 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pendaftaran sebagai PRP dan juga keperluan untuk menjalani Latihan Provisional telah dinyatakan di dalam Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951. Seksyen berkaitan adalah:
 - 2.1.1 Seksyen 6, Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951
 - 2.1.1.1 Keperluan untuk berdaftar sebagai Ahli Farmasi Provisional
 - 2.1.2 Seksyen 6A(1) dan 6A(2), Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951
 - 2.1.2.1 Keperluan untuk menjalani Latihan Provisional bagi tempoh tidak kurang dari **satu (1) tahun** sebelum layak untuk memohon sebagai FRP.
 - 2.1.2.2 Keperluan untuk menjalani Latihan Provisional di premis yang diiktiraf oleh Lembaga Farmasi Malaysia (LFM) seperti yang dinyatakan di bawah Jadual 2, Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951.

3 JENIS FASILITI LATIHAN LIBERALISASI (FLL)

Sehingga kini, LFM telah membenarkan sebanyak tujuh (7) jenis premis seperti berikut untuk memohon sebagai fasiliti latihan liberalisasi (FLL):

- Farmasi Komuniti
- Hospital Swasta
- Industri Farmaseutikal Mengilang
- Industri Farmaseutikal Tidak Mengilang
- R&D Akademia
- Hospital Dibawah Kementerian Pendidikan Tinggi
- Hospital Dibawah Kementerian Pertahanan

4 FARMASI KOMUNITI

4.1 Kriteria Kelayakan Premis Sebagai FLL PRP

- 4.1.1 Pengiktirafan mana-mana farmasi komuniti sebagai FLL perlu memenuhi kriteria-kriteria:
- 4.1.1.1 Perlu memiliki sekurang-kurangnya satu (1) preseptor yang telah diiktiraf oleh LFM
 - 4.1.1.2 Perlu mematuhi *Community Pharmacy Benchmarking Guideline (CPBG)*
 - 4.1.1.3 Bebas daripada hukuman mahkamah / kompaun dalam tempoh lima (5) tahun terkini
 - 4.1.1.4 Dilengkapi dengan perkhidmatan berkaitan dengan komponen-komponen wajib buku log (buku log boleh dimuat turun di sesawang <https://pharmacy.moh.gov.my/ms/entri/buku-log-latihan-ahli-farmasi-provisional-prp.html>) bagi tujuan latihan PRP.
- 4.1.2 Premis yang telah diiktiraf perlu memastikan agar sentiasa melantik PRP bagi latihan liberalisasi PRP. Mana-mana premis yang tidak melatih PRP untuk tempoh **tiga (3) tahun** berturut-turut akan dibatalkan taraf pengiktirafan sebagai FLL.

4.2 Kriteria Kelayakan Preseptor Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi

- 4.2.1 Pihak yang ingin mendapatkan pengiktirafan sebagai preseptor (prinsipal/master) di FLL jenis farmasi komuniti perlu memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:
- 4.2.1.1 Adalah seorang yang telah berdaftar sebagai FRP dengan LFM
 - 4.2.1.2 Perlu memiliki sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman bekerja dengan lesen racun jenis A runcit atau runcit dan borong di mana-mana farmasi komuniti dalam tempoh lima (5) tahun terkini dan salah satu tahun pengalaman adalah satu (1) tahun sebelum tahun memohon
 - 4.2.1.3 Telah memperbaharui sijil tahunan ahli farmasi bagi tahun terkini
 - 4.2.1.4 Bebas daripada hukuman mahkamah / kompaun dalam tempoh lima (5) tahun terkini
 - 4.2.1.5 Telah menghadiri sesi *Training of Preceptors (TOP)*.
- 4.2.2 Tempoh sah laku status sebagai preseptor adalah selama **tiga (3) tahun** bermula dari tahun menghadiri TOP.

- 4.2.3 Mana-mana preseptor yang telah tamat tempoh sahlaku akan dibatalkan statusnya sebagai preseptor bagi latihan liberalisasi PRP tanpa sebarang notis.
- 4.2.4 Permohonan **pengiktirafan semula preseptor** boleh dikemukakan melalui Borang FLL (I) - Borang Permohonan Pengiktirafan Premis Dan/Atau Preseptor Bagi Latihan Provisional Secara Liberalisasi di pautan <https://pharmacy.moh.gov.my/ms/dokumen/panduan-pengendalian-latihan-provisional-ahli-farmasi-berdaftar-provisional-prp-secara-liberalisasi.html>
- 4.2.5 Kriteria kelayakan bagi pengiktirafan semula preseptor adalah sama seperti di para 4.2.1

4.3 Proses Pengiktirafan Premis Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi

- 4.3.1 Permohonan pengiktirafan farmasi komuniti sebagai FLL perlu dikemukakan melalui **Borang FLL (I) - Borang Permohonan Pengiktirafan Premis Dan/Atau Preseptor Bagi Latihan Provisional Secara Liberalisasi**
- 4.3.2 Permohonan yang telah memenuhi kriteria-kriteria kelayakan premis akan disenarai pendekkan untuk semakan bersama Cawangan Penguatkuasaan Farmasi (CPF) di negeri masing-masing oleh BLFM
- 4.3.3 Premis yang telah berjaya melepasi saringan CPF akan disenarai pendekkan untuk diaudit oleh pasukan audit negeri berdasarkan CPBG
- 4.3.4 Premis yang telah lulus audit CPBG akan disenarai pendekkan untuk pengiktirafan di mesyuarat LFM
- 4.3.5 Premis yang telah diiktiraf akan disenaraikan sebagai FLL bagi latihan liberalisasi di laman web di pautan <https://pharmacy.moh.gov.my/ms/entri/senarai-premis-latihan-pegawai-farmasi-provisional-prp.html>

4.4 Proses Pengiktirafan Preseptor Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi

- 4.4.1 Permohonan pengiktirafan FRP sebagai preseptor di farmasi komuniti perlu dikemukakan melalui Borang FLL (I) - Borang Permohonan Pengiktirafan Premis Dan/Atau Preseptor Bagi Latihan Provisional Secara Liberalisasi

- 4.4.2 FRP yang telah memenuhi kriteria-kriteria kelayakan preseptor akan disenarai pendek untuk semakan bersama CPF di negeri masing-masing oleh BLFM
- 4.4.3 FRP yang berjaya melepasi saringan CPF akan disenarai pendekkan untuk menghadiri Bengkel TOP
- 4.4.4 Peserta yang berjaya menghadiri bengkel TOP dikehendaki untuk menandatangani Surat Aku Janji sebelum diiktiraf sebagai preseptor
- 4.4.5 FRP yang telah diiktiraf akan disenaraikan sebagai preseptor bagi latihan liberalisasi di laman web di pautan <https://pharmacy.moh.gov.my/ms/entri/senarai-premis-latihan-pegawai-farmasi-provisional-prp.html>

Carta Aliran 1 menunjukkan ringkasan bagi proses-proses yang terlibat dalam pengiktirafan FRP di Farmasi Komuniti sebagai preseptor

5 HOSPITAL SWASTA

5.1 Kriteria Kelayakan Premis Sebagai FLL PRP

- 5.1.1 Pengiktirafan mana- mana hospital swasta sebagai FLL perlu memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:
 - 5.1.1.1 Perlu memiliki sekurang-kurangnya satu (1) preseptor yang telah **diiktiraf** oleh LFM
 - 5.1.1.2 Telah memperolehi sijil akreditasi dari *Malaysia Society for Quality in Health* (MSQH)
 - 5.1.1.3 Dilengkapi dengan perkhidmatan berkaitan dengan komponen-komponen wajib buku log (buku log boleh dimuat turun di sesawang <https://pharmacy.moh.gov.my/ms/entri/buku-log-latihan-ahli-farmasi-provisional-prp.html>) bagi tujuan latihan PRP kecuali farmasi wad yang boleh dilengkapi melalui latihan sangkutan di hospital swasta atau hospital kerajaan yang lain.
- 5.1.2 Premis yang telah diiktiraf perlu memastikan agar sentiasa melantik PRP bagi latihan liberalisasi PRP. Mana-mana premis yang tidak melatih PRP untuk tempoh **lima (5) tahun** berturut-turut akan dibatalkan taraf pengiktirafan sebagai FLL.

5.2 Kriteria Kelayakan Preseptor Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi

- 5.2.1 Pihak yang ingin mendapatkan pengiktirafan sebagai preseptor (prinsipal dan/atau master) di FLL jenis hospital swasta perlu memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:

- 5.2.1.1 Adalah seorang yang telah berdaftar sebagai FRP dengan LFM
- 5.2.1.2 Perlu memiliki sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman bekerja termasuk tempoh sebagai ahli farmasi pelatih di mana-mana hospital kerajaan dan/ atau swasta dalam tempoh lima (5) tahun terkini dan salah satu tahun pengalaman adalah satu (1) tahun sebelum tahun memohon
- 5.2.1.3 Telah memperbaharui sijil tahunan ahli farmasi bagi tahun terkini
- 5.2.1.4 Telah menghadiri sesi *Training of Preceptors (TOP)*
- 5.2.2 Tempoh sah laku bagi status sebagai preseptor adalah selama lima (5) tahun bermula dari tahun menghadiri TOP
- 5.2.3 Mana-mana preseptor yang telah tamat tempoh sahlaku akan dibatalkan statusnya sebagai preseptor bagi latihan liberalisasi PRP tanpa sebarang notis.
- 5.2.4 Permohonan **pengiktirafan semula preseptor** boleh dikemukakan melalui Borang FLL (I) - Borang Permohonan Pengiktirafan Premis Dan/Atau Preseptor Bagi Latihan Provisional Secara Liberalisasi di pautan <https://pharmacy.moh.gov.my/ms/dokumen/panduan-pengendalian-latihan-provisional-ahli-farmasi-berdaftar-provisional-prp-secara-liberalisasi.html>
- 5.2.5 Kriteria kelayakan bagi pengiktirafan semula preseptor adalah sama seperti di para 5.2.1

5.3 Proses Pengiktirafan Premis Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi

- 5.3.1 Permohonan pengiktirafan hospital swasta sebagai FLL perlu dikemukakan melalui Borang FLL (I) - Borang Permohonan Pengiktirafan Premis Dan/Atau Preseptor Bagi Latihan Provisional Secara Liberalisasi
- 5.3.2 Hospital swasta yang telah memenuhi kriteria-kriteria kelayakan premis akan disenarai pendekkan untuk pengiktirafan di mesyuarat LFM
- 5.3.3 Premis yang telah diiktiraf akan disenaraikan sebagai premis bagi latihan liberalisasi di laman web di pautan <https://pharmacy.moh.gov.my/ms/entri/senarai-premis-latihan-pegawai-farmasi-provisional-prp.html>

5.4 Proses Pengiktirafan Preseptor Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi

- 5.4.1 Permohonan bagi pengiktirafan FRP sebagai preseptor di hospital swasta perlu dikemukakan melalui Borang FLL (I) - Borang

Permohonan Pengiktirafan Premis Dan/Atau Preseptor Bagi Latihan Provisional Secara Liberalisasi

- 5.4.2 FRP yang telah memenuhi kriteria-kriteria kelayakan preseptor akan disenarai pendekkan untuk menghadiri Bengkel TOP
- 5.4.3 Peserta yang berjaya menghadiri bengkel TOP dikehendaki untuk menandatangani Surat Aku Janji sebelum diiktiraf sebagai preseptor
- 5.4.4 FRP yang telah diiktiraf akan disenaraikan sebagai preseptor bagi latihan liberalisasi di laman web di pautan <https://pharmacy.moh.gov.my/ms/entri/senarai-premis-latihan-pegawai-farmasi-provisional-prp.html>

Carta Aliran 2 menunjukkan ringkasan bagi proses-proses yang terlibat dalam pengiktirafan FRP Hospital Swasta sebagai preseptor

6 INDUSTRI FARMASEUTIKAL MENGILANG

6.1 Kriteria Kelayakan Premis Sebagai FLL PRP

- 6.1.1 Pengiktirafan mana-mana industri farmaseutikal mengilang sebagai FLL perlu memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:
 - 6.1.1.1 Perlu memiliki sekurang-kurangnya satu (1) preseptor yang telah **diiktiraf** oleh LFM
 - 6.1.1.2 Telah memiliki **Lesen Pengilang** (*Manufacturer's Licence*) dari Bahagian Regulatori Farmasi Negara (BRFN), Kementerian Kesihatan Malaysia
 - 6.1.1.3 Dilengkapi dengan perkhidmatan berkaitan dengan komponen-komponen wajib buku log (buku log boleh dimuat turun di [sesawang https://pharmacy.moh.gov.my/ms/entri/buku-log-latihan-ahli-farmasi-provisional-prp.html](https://pharmacy.moh.gov.my/ms/entri/buku-log-latihan-ahli-farmasi-provisional-prp.html)) bagi tujuan latihan PRP
- 6.1.2 Premis yang telah diiktiraf perlu memastikan agar sentiasa melantik PRP bagi latihan liberalisasi PRP. Mana-mana premis yang tidak melatih PRP untuk tempoh **lima (5) tahun** berturut-turut akan dibatalkan taraf pengiktirafan sebagai FLL

6.2 Kriteria Kelayakan Preseptor Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi

- 6.2.1 Pihak yang ingin mendapatkan pengiktirafan sebagai preseptor (prinsipal dan/atau master) di FLL jenis industri farmaseutikal mengilang perlu memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:
 - 6.2.1.1 Adalah seorang yang telah berdaftar sebagai FRP dengan LFM
 - 6.2.1.2 Perlu memiliki sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman bekerja termasuk tempoh sebagai ahli

- farmasi pelatih di mana-mana industri farmaseutikal mengilang dalam tempoh lima (5) tahun terkini dan salah satu tahun pengalaman adalah satu (1) tahun sebelum tahun memohon
- 6.2.1.3 Telah memperbaharui sijil tahunan ahli farmasi bagi tahun terkini
 - 6.2.1.4 Telah menghadiri sesi *Training of Preceptors (TOP)*
- 6.2.2 Tempoh sah laku bagi status sebagai preseptor adalah selama lima (5) tahun bermula dari tahun menghadiri TOP.
- 6.2.3 Mana-mana preseptor yang telah tamat tempoh sahlaku akan dibatalkan statusnya sebagai preseptor bagi latihan liberalisasi PRP tanpa sebarang notis
- 6.2.4 Permohonan **pengiktirafan semula preseptor** boleh dikemukakan melalui Borang FLL (I) - Borang Permohonan Pengiktirafan Premis Dan/Atau Preseptor Bagi Latihan Provisional Secara Liberalisasi di pautan <https://pharmacy.moh.gov.my/ms/dokumen/panduan-pengendalian-latihan-provisional-ahli-farmasi-berdaftar-provisional-prp-secara-liberalisasi.html>
- 6.2.5 Kriteria kelayakan bagi pengiktirafan semula preseptor adalah sama seperti di para 6.2.1

Klausa: Industri farmaseutikal mengilang boleh melantik bukan ahli farmasi sebagai prinsipal preseptor (sahaja) bagi latihan provisional PRP secara liberalisasi dan kriteria kelayakan disebut di para 6.2.1 hingga 6.2.5 tidak terpakai bagi preseptor kategori bukan ahli farmasi.

6.3 Proses Pengiktirafan Premis Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi

- 6.3.1 Permohonan pengiktirafan Industri Farmaseutikal Mengilang sebagai FLL perlu dikemukakan melalui Borang FLL (I) - Borang Permohonan Pengiktirafan Premis Dan/Atau Preseptor Bagi Latihan Provisional Secara Liberalisasi
- 6.3.2 Industri Farmaseutikal Mengilang yang telah memenuhi kriteria-kriteria kelayakan premis akan disenarai pendekkan untuk pengiktirafan di mesyuarat LFM
- 6.3.3 Premis yang telah diiktiraf akan disenaraikan sebagai premis bagi latihan liberalisasi di laman web di pautan <https://pharmacy.moh.gov.my/ms/entri/senarai-premis-latihan-pegawai-farmasi-provisional-prp.html>

6.4 Proses Pengiktirafan Preseptor Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi

- 6.4.1 Permohonan bagi pengiktirafan FRP sebagai preseptor di Industri

Farmaseutikal Mengilang perlu dikemukakan melalui Borang FLL (I) - Borang Permohonan Pengiktirafan Premis Dan/Atau Preseptor Bagi Latihan Provisional Secara Liberalisasi

- 6.4.2 FRP yang telah memenuhi kriteria-kriteria kelayakan premis akan disenarai pendekkan untuk menghadiri Bengkel TOP
- 6.4.3 Peserta yang berjaya menghadiri bengkel TOP dikehendaki untuk menandatangani Surat Aku Janji sebelum diiktiraf sebagai preseptor
- 6.4.4 FRP yang telah diiktiraf akan disenaraikan sebagai preseptor bagi latihan liberalisasi di laman web di pautan <https://pharmacy.moh.gov.my/ms/entri/senarai-premis-latihan-pegawai-farmasi-provisional-prp.html>

Carta Aliran 2 menunjukkan ringkasan bagi proses-proses yang terlibat dalam pengiktirafan FRP Industri Farmaseutikal Mengilang sebagai preseptor

7 INDUSTRI FARMASEUTIKAL TIDAK MENGI LANG

7.1 Kriteria Kelayakan Premis Sebagai FLL PRP

- 7.1.1 Pengiktirafan mana-mana industri farmaseutikal tidak mengilang sebagai FLL perlu memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:
 - 7.1.1.1 Perlu memiliki sekurang-kurangnya satu (1) preseptor yang telah diiktiraf oleh LFM
 - 7.1.1.2 Dilengkapi dengan perkhidmatan berkaitan dengan komponen-komponen wajib buku log (buku log boleh dimuat turun di [sesawang https://pharmacy.moh.gov.my/ms/entri/buku-log-latihan-ahli-farmasi-provisional-prp.html](https://pharmacy.moh.gov.my/ms/entri/buku-log-latihan-ahli-farmasi-provisional-prp.html)) bagi tujuan latihan PRP.
- 7.1.2 Premis yang telah diiktiraf perlu memastikan agar sentiasa melantik PRP bagi latihan liberalisasi PRP. Mana-mana premis yang tidak melatih PRP untuk tempoh **lima (5) tahun** berturut-turut akan dibatalkan taraf pengiktirafan sebagai FLL

7.2 Kriteria Kelayakan Preseptor Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi

- 7.2.1 Kriteria-kriteria seperti berikut perlu dipenuhi oleh pihak yang ingin mendapatkan pengiktirafan sebagai preseptor (prinsipal dan/atau master) di FLL jenis industri farmaseutikal tidak mengilang:
 - 7.2.1.1 Adalah seorang yang telah berdaftar sebagai FRP dengan LFM
 - 7.2.1.2 Perlu memiliki sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman bekerja termasuk tempoh sebagai ahli farmasi pelatih dimana-mana industri farmaseutikal tidak mengilang

dalam tempoh lima (5) tahun terkini dan salah satu tahun pengalaman adalah bagi satu (1) tahun sebelum tahun memohon

- 7.2.1.3 Telah memperbaharui sijil tahunan ahli farmasi bagi tahun terkini
- 7.2.1.4 Telah menghadiri sesi *Training of Preceptors (TOP)*
- 7.2.2 Tempoh sah laku bagi status sebagai preseptor adalah selama lima (5) tahun bermula dari tahun menghadiri TOP
- 7.2.3 Mana-mana preseptor yang telah tamat tempoh sahlaku akan dibatalkan statusnya sebagai preseptor bagi latihan liberalisasi PRP tanpa sebarang notis
- 7.2.4 Permohonan **pengiktirafan semula preseptor** boleh dikemukakan melalui Borang FLL (I) - Borang Permohonan Pengiktirafan Premis Dan/Atau Preseptor Bagi Latihan Provisional Secara Liberalisasi di pautan <https://pharmacy.moh.gov.my/ms/dokumen/panduan-pengendalian-latihan-provisional-ahli-farmasi-berdaftar-provisional-prp-secara-liberalisasi.html>
- 7.2.5 Kriteria kelayakan bagi pengiktirafan semula preseptor adalah sama seperti di para 7.2.1

Klausa: Industri farmaseutikal tidak mengilang boleh melantik bukan ahli farmasi sebagai prinsipal preseptor (sahaja) bagi latihan PRP dan kriteria kelayakan disebut di para 7.2.1 hingga 7.2.5 tidak terpakai bagi preseptor kategori bukan ahli farmasi.

7.3 Proses Pengiktirafan Premis Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi

- 7.3.1 Permohonan pengiktirafan Industri Farmaseutikal Tidak Mengilang sebagai FLL perlu dikemukakan melalui Borang FLL (I) - Borang Permohonan Pengiktirafan Premis Dan/Atau Preseptor Bagi Latihan Provisional Secara Liberalisasi
- 7.3.2 Industri Farmaseutikal Tidak Mengilang yang telah memenuhi kriteria-kriteria kelayakan premis akan disenarai pendekkan untuk pengiktirafan di mesyuarat LFM
- 7.3.3 Premis yang telah diiktiraf akan disenaraikan sebagai premis bagi latihan liberalisasi di laman web di pautan <https://pharmacy.moh.gov.my/ms/entri/senarai-premis-latihan-pegawai-farmasi-provisional-prp.html>

7.4 Proses Pengiktirafan Preseptor Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi

- 7.4.1 Permohonan bagi pengiktirafan FRP sebagai preseptor di Industri Farmasutikal Tidak Mengilang perlu dikemukakan melalui Borang FLL

(I) - Borang Permohonan Pengiktirafan Premis Dan/Atau Preseptor Bagi Latihan Provisional Secara Liberalisasi

- 7.4.2 FRP yang telah memenuhi kriteria-kriteria kelayakan premis akan disenarai pendekkan untuk menghadiri Bengkel TOP
- 7.4.3 Peserta yang berjaya menghadiri bengkel TOP dikehendaki untuk menandatangani Surat Aku Janji sebelum diiktiraf sebagai preseptor
- 7.4.4 FRP yang telah diiktiraf akan disenaraikan sebagai preseptor bagi latihan liberalisasi di laman web di pautan <https://pharmacy.moh.gov.my/ms/entri/senarai-premis-latihan-pegawai-farmasi-provisional-prp.html>

Carta Aliran 2 menunjukkan ringkasan bagi proses-proses yang terlibat dalam pengiktirafan FRP Industri Farmaseutikal Tidak Mengilang sebagai preseptor

8 R&D AKADEMIA

8.1 Kriteria Kelayakan Premis Sebagai FLL PRP

- 8.1.1 Pengiktirafan mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Awam / Swasta (IPTA/S) sebagai FLL bagi buku log R&D Akademia perlu memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:
 - 8.1.1.1 Perlu memiliki sekurang-kurangnya satu (1) preseptor yang telah **diiktiraf** oleh LFM
 - 8.1.1.2 Telah memperolehi **Akreditasi Penuh dari Agensi Kelayakan Malaysia [Malaysian Qualifications Agency (MQA)]** bagi menjalankan program Sarjana atau Doktor Falsafah
 - 8.1.1.3 Dilengkapi dengan perkhidmatan berkaitan dengan komponen-komponen wajib buku log (buku log boleh dimuat turun di sesawang <https://pharmacy.moh.gov.my/ms/entri/buku-log-latihan-ahli-farmasi-provisional-prp.html>) bagi tujuan latihan PRP
- 8.1.2 Premis yang telah diiktiraf perlu memastikan agar sentiasa melantik PRP bagi latihan liberalisasi PRP. Mana-mana premis yang tidak melatih PRP untuk tempoh **lima (5) tahun** berturut-turut akan dibatalkan taraf pengiktirafan sebagai FLL.

8.2 Kriteria Kelayakan Preseptor Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi

- 8.2.1 Pihak yang ingin mendapatkan pengiktirafan sebagai preseptor (prinsipal dan/atau master) di FLL jenis R&D Akademia perlu memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:
 - 8.2.1.1 Adalah seorang yang telah berdaftar sebagai FRP dengan LFM

8.2.1.2 Perlu memiliki sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman bekerja termasuk tempoh sebagai ahli farmasi pelatih di mana-mana universiti dalam tempoh lima (5) tahun terkini dan salah satu tahun pengalaman adalah bagi satu (1) tahun sebelum tahun memohon

8.2.1.3 Telah memperbaharui sijil tahunan ahli farmasi bagi tahun terkini

8.2.1.4 Telah menghadiri sesi *Training of Preceptors (TOP)*

8.2.2 Tempoh sah laku bagi status sebagai preceptor adalah selama lima (5) tahun bermula dari tahun menghadiri TOP.

8.2.3 Mana-mana preceptor yang telah tamat tempoh sahlaku akan dibatalkan statusnya sebagai preceptor bagi latihan liberalisasi PRP tanpa sebarang notis.

8.2.4 Permohonan **pengiktirafan semula preceptor** boleh dikemukakan melalui Borang FLL (I) - Borang Permohonan Pengiktirafan Premis Dan/Atau Preceptor Bagi Latihan Provisional Secara Liberalisasi di pautan <https://pharmacy.moh.gov.my/ms/dokumen/panduan-pengendalian-latihan-provisional-ahli-farmasi-berdaftar-provisional-prp-secara-liberalisasi.html>

8.2.5 Kriteria kelayakan bagi pengiktirafan semula preceptor adalah sama seperti di para 8.2.1

8.3 Proses Pengiktirafan Premis Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi

8.3.1 Permohonan pengiktirafan IPTA/S sebagai FLL bagi buku log R&D Akademia perlu dikemukakan melalui Borang FLL (I) - Borang Permohonan Pengiktirafan Premis Dan/Atau Preceptor Bagi Latihan Provisional Secara Liberalisasi

8.3.2 IPTA/S yang telah memenuhi kriteria-kriteria kelayakan premis akan disenarai pendekkan untuk pengiktirafan di mesyuarat LFM

8.3.3 Premis yang telah diiktiraf akan disenaraikan sebagai premis bagi latihan liberalisasi di laman web di pautan <https://pharmacy.moh.gov.my/ms/entri/senarai-premis-latihan-pegawai-farmasi-provisional-prp.html>

8.4 Proses Pengiktirafan Preceptor Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi

8.4.1 Permohonan bagi pengiktirafan FRP sebagai preceptor di IPTA/S bagi buku log R&D Akademia perlu dikemukakan melalui Borang FLL (I) - Borang Permohonan Pengiktirafan Premis Dan/Atau Preceptor Bagi Latihan Provisional Secara Liberalisasi

- 8.4.2 FRP yang telah memenuhi kriteria-kriteria kelayakan premis akan disenarai pendekkan untuk menghadiri Bengkel TOP
- 8.4.3 Peserta yang berjaya menghadiri bengkel TOP dikehendaki untuk menandatangani Surat Aku Janji sebelum diiktiraf sebagai preseptor
- 8.4.4 FRP yang telah diiktiraf akan disenaraikan sebagai preseptor bagi latihan liberalisasi di laman web di pautan <https://pharmacy.moh.gov.my/ms/entri/senarai-premis-latihan-pegawai-farmasi-provisional-prp.html>

Carta Aliran 2 menunjukkan ringkasan bagi proses-proses yang terlibat dalam pengiktirafan FRP R&D Akademia sebagai preseptor

9 HOSPITAL DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

9.1 Kriteria Kelayakan Premis Sebagai FLL PRP

- 9.1.1 Pengiktirafan mana-mana hospital di bawah KPT sebagai FLL perlu memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:
 - 9.1.1.1 Perlu memiliki sekurang-kurangnya satu (1) Pegawai Farmasi dengan pengalaman berkerja di hospital sekurang-kurangnya tiga (3) tahun
 - 9.1.1.2 Mempunyai wad farmasi

9.2 Kriteria Kelayakan Preseptor Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi

- 9.2.1 Pihak yang ingin mendapatkan pengiktirafan sebagai preseptor di hospital-hospital di bawah KPT perlu memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:
 - 9.2.1.1 Adalah seorang pegawai farmasi gred UF44 dan ke atas
 - 9.2.1.2 Perlu memiliki sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman bekerja di hospital termasuk tempoh sebagai ahli farmasi pelatih di mana-mana hospital

9.3 Proses Pengiktirafan Premis Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi

- 9.3.1 Permohonan pengiktirafan hospital di bawah KPT dan KPM boleh dikemukakan melalui Borang FLL (IA)- Borang Permohonan Pengiktirafan Hospital Di Bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) & Kementerian Pertahanan Malaysia (KPM) Sebagai Fasilitas Latihan Liberalisasi (FLL)
- 9.3.2 Borang tersebut boleh dimuat turun di laman web

<https://pharmacy.moh.gov.my/ms/dokumen/panduan-pengendalian-latihan-provisional-ahli-farmasi-berdaftar-provisional-prp-secara-liberalisasi.html>

10 HOSPITAL DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN

10.1 Kriteria Kelayakan Premis Sebagai FLL PRP

10.1.1 Pengiktirafan mana-mana hospital di bawah KPM sebagai FLL perlu memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:

10.1.1.1 Perlu memiliki sekurang-kurangnya satu (1) Pegawai Farmasi dengan pengalaman bekerja di hospital sekurang-kurangnya tiga (3) tahun

10.1.1.2 Mempunyai wad farmasi

10.2 Kriteria Kelayakan Preseptor Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi

10.2.1 Pihak yang ingin mendapatkan pengiktirafan sebagai preseptor di hospital-hospital di bawah KPM perlu memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:

10.2.1.1 Adalah seorang pegawai farmasi gred UF 44 dan ke atas

10.2.1.2 Perlu memiliki sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman bekerja di hospital termasuk tempoh sebagai ahli farmasi pelatih di mana-mana hospital

10.3 Proses Pengiktirafan Premis Bagi Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi

10.3.1 Permohonan pengiktirafan hospital di bawah KPT dan KPM boleh dikemukakan melalui Borang FLL (IA)- Borang Permohonan Pengiktirafan Hospital Di Bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) & Kementerian Pertahanan Malaysia (KPM) Sebagai Fasilitas Latihan Liberalisasi (FLL)

10.3.2 Borang tersebut boleh dimuat turun di laman web <https://pharmacy.moh.gov.my/ms/dokumen/panduan-pengendalian-latihan-provisional-ahli-farmasi-berdaftar-provisional-prp-secara-liberalisasi.html>

11 PELANTIKAN PRP UNTUK MENJALANI LATIHAN PROVISIONAL DI FLL

11.1 Pemilihan Calon PRP

11.1.1 Preseptor boleh melantik calon PRP yang sesuai untuk menjalani latihan provisional secara liberalisasi di premis yang diiktiraf sahaja

11.1.2 Calon PRP yang telah memiliki nombor PRP boleh dipertimbangkan untuk menjalani latihan PRP di mana-mana FLL

11.1.3 Syarikat atau majikan boleh mengguna cara tersendiri untuk melantik PRP yang layak. Contohnya: melalui temuduga atau proses penilaian *resume* dan sebagainya

11.2 Kontrak Pekerjaan

11.2.1 Majikan / syarikat perlu menyediakan kontrak pekerjaan (*Employment Contract*) yang sah di sisi undang-undang

11.2.2 Kandungan kontrak pekerjaan berhubung maklumat seperti di bawah perlulah selaras dengan akta-akta yang berkaitan di bawah Kementerian Sumber Manusia di negara Malaysia:

11.2.2.1 Gaji / Elaun / Bonus

11.2.2.2 Waktu berkerja / tempoh berkerja

11.2.2.3 Cuti Rehat Tahunan

11.2.2.4 Kelayakan khas yang lain

11.3 Perkhidmatan Wajib Selepas Tamat Latihan PRP

11.3.1 BLFM tidak menetapkan sebarang tempoh untuk menjalani perkhidmatan wajib sebagai FRP terhadap PRP yang telah selesai menjalani latihan provisional secara liberalisasi

11.3.2 Walau bagaimanapun majikan / syarikat berhak untuk menetapkan tempoh bagi perkhidmatan wajib terhadap PRP yang telah selesai menjalani latihan provisional secara liberalisasi sepertimana disebut di kontrak pekerjaan

11.3.3 Perkhidmatan wajib yang ditetapkan oleh majikan / syarikat adalah sah sekiranya disebut di dokumen kontrak pekerjaan yang sah di sisi undang-undang

11.3.4 Majikan / syarikat juga adalah bebas untuk tidak menetapkan sebarang perkhidmatan wajib terhadap PRP yang telah berdaftar sebagai FRP dan boleh membenarkan mereka untuk berkhidmat dengan mana-mana majikan / syarikat yang lain selepas tamat latihan PRP.

12 PERMOHONAN UNTUK MENJALANI LATIHAN PROVISIONAL PRP SECARA LIBERALISASI

12.1 Majikan / preceptor diwajibkan untuk memohon kebenaran daripada BLFM sebelum membenarkan mana-mana PRP untuk menjalani latihan provisional di FLL

12.2 Proses permohonan kebenaran BLFM untuk menjalani latihan PRP di FLL adalah seperti berikut:

12.2.1 Muat turun dan isi Borang FLL (II) - Borang Pemakluman Untuk Menjalani Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi dari laman web <https://pharmacy.moh.gov.my/ms/dokumen/panduan-pengendalian-latihan-provisional-ahli-farmasi-berdaftar-provisional-prp-secara-liberalisasi.html>

12.2.2 Borang perlu diisi secara elektronik dengan lengkap dan dihantar ke BLFM melalui alamat emel latihan.prp@moh.gov.my SAHAJA

12.2.3 Dokumen sokongan yang perlu disertakan bersama adalah seperti berikut:

12.2.3.1 Surat Tawaran Pekerjaan

12.2.3.2 Kontrak Perjanjian

12.2.4 Borang permohonan perlu dikemukakan kepada BLFM sekurang-kurangnya **dua (2) minggu** sebelum memulakan latihan provisional PRP secara liberalisasi

12.3 Notis Pemberitahuan BLFM Untuk Memulakan Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi

12.3.1 **Borang FLL (II)** - Borang Pemakluman Untuk Memulakan Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi yang diterima melalui emel akan diproses dan dimaklumkan keputusannya dalam tempoh **lima (5) hari bekerja** dari tarikh penerimaan borang yang **lengkap**

12.3.2 Keputusan BLFM akan dikeluarkan sebagai Notis Pemberitahuan BLFM Untuk Memulakan Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi melalui emel sahaja

12.3.3 Tempoh latihan provisional hanya akan dikira mulai dari tarikh yang telah ditetapkan oleh BLFM melalui notis pemberitahuan tersebut

Carta Aliran 3 menunjukkan ringkasan bagi proses-proses yang terlibat untuk memulakan latihan provisional PRP secara Liberalisasi di FLL

13 LATIHAN PROVISIONAL

13.1 Tempoh untuk menjalani latihan provisional PRP secara liberalisasi adalah tidak kurang dari satu (1) tahun termasuk latihan sangkutan (jika berkaitan)

13.2 Tarikh mula latihan adalah berdasarkan tarikh yang ditetapkan oleh BLFM melalui Notis Pemberitahuan BLFM Untuk Memulakan Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi

13.3 PRP boleh menjalani latihan provisional hanya di FLL yang telah diluluskan oleh LFM sahaja

- 13.4 Sepanjang tempoh latihan provisional, PRP perlu memenuhi keperluan buku log yang berkaitan. PRP perlu mencapai sekurang-kurangnya 60% bagi setiap modul buku log dan juga bagi purata markah keseluruhan
- 13.5 Buku log berkaitan boleh dimuat turun melalui laman sesawang <https://www.pharmacy.gov.my/v2/ms/entri/buku-log-latihan-ahli-farmasi-provisional-prp.html>
- 13.6 Preseptor adalah bertanggungjawab untuk membuat penyeliaan dan penilaian berkala (*periodic assessment*) secara langsung terhadap pencapaian PRP dari masa ke semasa untuk mengenal pasti kelemahan PRP bagi elemen:
- 13.6.1 Kompetensi (Melengkapkan modul latihan seperti yang digariskan dalam buku log)
- 13.6.2 Sikap / tingkah laku (*Personal Assessment*)
- 13.7 Bagi PRP yang menunjukkan pencapaian yang kurang memuaskan bagi elemen kompetensi:
- 13.7.1 Preseptor perlu memberi panduan dan bimbingan yang mencukupi agar PRP dapat memperbaiki prestasi.
- 13.7.2 Panduan dan bimbingan yang diberikan perlu didokumentasi sebagai **pelan tindakan (*Action Plan*)**
- 13.8 Bagi PRP yang menunjukkan prestasi yang tidak memuaskan bagi elemen **sikap / tingkah laku (*Personal Assessment*)**:
- 13.8.1 Preseptor dikehendaki untuk mengeluarkan **surat amaran** untuk memberi peluang agar langkah pembaikan dapat diambil
- 13.9 Bagi PRP yang masih tidak menunjukkan prestasi yang memuaskan bagi elemen kompetensi dan/atau *personel* setelah di beri pelan tindakan (*action plan*) dan/atau surat amaran, tempoh latihannya boleh dilanjutkan (rujuk perkara 18) untuk tempoh maksimum satu (1) tahun sepertimana diperuntukan di bawah Seksyen 6A(3), Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 dengan kelulusan LFM

14 LATIHAN SANGKUTAN DI KLINIK KESIHATAN DAN HOSPITAL SEMASA MENJALANI LATIHAN PROVISIONAL PRP SECARA LIBERALISASI

- 14.1 Buku log FLL yang mengandungi komponen untuk menjalani latihan sangkutan di Klinik Kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah seperti berikut:

14.1.1 Farmasi komuniti

14.2 Buku log - buku log FLL yang mengandungi komponen untuk menjalani latihan sangkutan di hospital di bawah KKM atau di hospital swasta adalah seperti berikut:

14.2.1 Hospital Swasta

14.2.2 R&D Akademia

15 LATIHAN SANGKUTAN DI KLINIK KESIHATAN DI BAWAH KKM

15.1 Bagi FLL Farmasi Komuniti

15.1.1 Keperluan untuk menjalani latihan sangkutan di klinik kesihatan di bawah KKM adalah diwajibkan kepada PRP yang sedang menjalani latihan liberalisasi di farmasi komuniti sahaja

15.1.2 PRP hanya dibenarkan untuk menjalani latihan sangkutan di klinik-klinik kesihatan yang disenaraikan di Senarai Klinik Kesihatan Untuk Menjalani Latihan Sangkutan oleh PRP Dari Farmasi Komuniti di Klinik Kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi tujuan Latihan Liberalisasi PRP di pautan <https://www.pharmacy.gov.my/v2/ms/dokumen/latihan-sangkutan-prp-fasiliti-latihan-liberalisasi-dengan-hospital-kerajaan-klinik-kesihatan-bawah.html>

15.1.3 Preseptor dikehendaki untuk menyediakan *Memorandum of Agreement (MOA)* sebelum menghantar PRP ke klinik kesihatan untuk menjalanilatihan sangkutan

15.1.4 Dokumen–dokumen berkaitan dengan penyediaan MOA seperti berikut boleh dimuat turun di laman web di pautan <https://www.pharmacy.gov.my/v2/ms/dokumen/latihan-sangkutan-prp-fasiliti-latihan-liberalisasi-dengan-hospital-kerajaan-klinik-kesihatan-bawah.html>

15.1.4.1 Panduan Penyediaan MOA

15.1.4.2 Sample pengisian MOA

15.1.4.3 Template MOA

15.1.5 Preseptor perlu berhubung dengan Penyelaras di Bahagian Perkhidmatan Farmasi Jabatan Kesihatan Negeri untuk permohonan latihan sangkutan PRP di klinik kesihatan

16 LATIHAN SANGKUTAN DI HOSPITAL DI BAWAH KKM

16.1 Bagi FLL Hospital Swasta

16.1.1 PRP yang sedang menjalani latihan provisional PRP secara liberalisasi di hospital swasta yang tidak mempunyai komponen Wad

Farmasi adalah diwajibkan untuk menjalani latihan sangkutan bagi komponen tersebut di hospital di bawah KKM atau di hospital swasta yang lain

- 16.1.2 Sekiranya preceptor memilih hospital di bawah KKM sebagai fasiliti untuk menjalani latihan sangkutan tersebut, preceptor dikehendaki untuk menyediakan MOA sebelum latihan sangkutan dimulakan
- 16.1.3 Hospital di bawah KKM yang boleh dipilih untuk menjalani latihan sangkutan adalah seperti di Senarai Premis Latihan Bagi Pegawai Farmasi Provisional (PRP) di pautan <https://www.pharmacy.gov.my/v2/ms/entri/senarai-premis-latihan-pegawai-farmasi-provisional-prp.html>
- 16.1.4 Dokumen–dokumen berkaitan dengan penyediaan MOA seperti berikut boleh dimuat turun di laman web di pautan <https://www.pharmacy.gov.my/v2/ms/dokumen/latihan-sangkutan-prp-fasiliti-latihan-liberalisasi-dengan-hospital-kerajaan-klinik-kesihatan-bawah.html>
 - 16.1.4.1 Panduan Penyediaan MOA
 - 16.1.4.2 Sample pengisian MOA
 - 16.1.4.3 Template MOA

16.2 Bagi FLL R&D Akademia

- 16.2.1 PRP yang sedang menjalani latihan provisional PRP secara liberalisasi di IPTA/S bagi buku log R&D Akademia **diwajibkan** untuk menjalani latihan sangkutan bagi *Component A: Fundamental of Pharmacy Practice* di hospital di bawah KKM atau di hospital swasta
- 16.2.2 Sekiranya preceptor memilih **hospital di bawah KKM** sebagai fasiliti untuk menjalani latihan sangkutan tersebut, preceptor dikehendaki untuk menyediakan MOA sebelum latihan sangkutan dimulakan
- 16.2.3 Hospital di bawah KKM yang boleh dipilih untuk menjalani latihan sangkutan adalah seperti di Senarai Premis Latihan Bagi Pegawai Farmasi Provisional (PRP) di pautan <https://www.pharmacy.gov.my/v2/ms/entri/senarai-premis-latihan-pegawai-farmasi-provisional-prp.html>
- 16.2.4 Dokumen–dokumen berkaitan dengan penyediaan MOA seperti berikut boleh dimuat turun di laman web di pautan <https://www.pharmacy.gov.my/v2/ms/dokumen/latihan-sangkutan-prp-fasiliti-latihan-liberalisasi-dengan-hospital-kerajaan-klinik-kesihatan-bawah.html>
 - 16.2.4.1 Panduan Penyediaan MOA
 - 16.2.4.2 Sample pengisian MOA
 - 16.2.4.3 Template MOA

17 LATIHAN SANGKUTAN DI HOSPITAL SWASTA

17.1 Bagi FLL Hospital Swasta

- 17.1.1 PRP yang sedang menjalani latihan provisional PRP secara liberalisasi di hospital swasta yang tidak mempunyai komponen Wad Farmasi adalah **diwajibkan** untuk menjalani latihan sangkutan bagi komponen tersebut di hospital di bawah KKM atau di hospital swasta yang lain
- 17.1.2 **Hospital swasta** yang boleh dipilih untuk menjalani latihan sangkutan tersebut adalah seperti di Senarai Premis Latihan Bagi Pegawai Farmasi Provisional (PRP) di pautan <https://www.pharmacy.gov.my/v2/ms/entri/senarai-premis-latihan-pegawai-farmasi-provisional-prp.html>
- 17.1.3 Untuk menjalani latihan sangkutan di hospital swasta, preceptor perlu memohon kebenaran BLFM melalui Borang FLL (III) - Pemakluman Untuk Menjalani Latihan Sangkutan Di Hospital Swasta di pautan <https://www.pharmacy.gov.my/v2/ms/dokumen/panduan-pengendalian-latihan-provisional-ahli-farmasi-berdaftar-provisional-prp-secara-liberalisasi.html>
- 17.1.4 Borang tersebut perlu dihantar ke BLFM melalui emel di alamat latihan.prp@moh.gov.my
- 17.1.5 Keputusan BLFM bagi permohonan yang lengkap akan dikeluarkan dalam tempoh lima (5) hari berkerja
- 17.1.6 Bagi permohonan yang berjaya, satu MOA perlu disediakan secara persendirian atas persetujuan kedua-dua pengurus hospital swasta yang terlibat dan perlu ditandatangani diantara kedua-dua pengurus [*Chief Executive Officer (CEO)*] hospital swasta yang terlibat

17.2 Bagi FLL R&D Akademia

- 17.2.1 PRP yang sedang menjalani latihan provisional PRP secara liberalisasi di IPTA/S bagi buku log R&D Akademia **diwajibkan** untuk menjalani latihan sangkutan bagi *Component A: Fundamental of Pharmacy Practice* di hospital di bawah KKM atau di hospital swasta
- 17.2.2 **Hospital swasta** yang boleh dipilih untuk menjalani latihan sangkutan tersebut adalah seperti di Senarai Premis Latihan Bagi Pegawai Farmasi Provisional (PRP) di pautan <https://www.pharmacy.gov.my/v2/ms/entri/senarai-premis-latihan-pegawai-farmasi-provisional-prp.html>
- 17.2.3 Untuk menjalani latihan sangkutan di hospital swasta, preceptor perlu memohon kebenaran BLFM melalui Borang FLL (III) - Pemakluman Untuk Menjalani Latihan Sangkutan Di Hospital Swasta di pautan

<https://www.pharmacy.gov.my/v2/ms/dokumen/panduan-pengendalian-latihan-provisional-ahli-farmasi-berdaftar-provisional-prp-secara-liberalisasi.html>

- 17.2.4 Borang tersebut perlu dihantar ke BLFM melalui emel di alamat latihan.prp@moh.gov.my
- 17.2.5 Keputusan BLFM bagi permohonan yang lengkap akan dikeluarkan dalam tempoh lima (5) hari berkerja
- 17.2.6 Bagi permohonan yang berjaya, satu MOA perlu disediakan secara persendirian atas persetujuan kedua-dua pengurus hospital swasta dan dekan IPTA/S yang terlibat dan perlu ditandatangani oleh pengurus (CEO) hospital swasta dan dekan IPTA/S

18 PELANJUTAN TEMPOH LATIHAN / PERUBAHAN TARIKH TAMAT LATIHAN PROVISIONAL PRP SECARA LIBERALISASI

18.1 Pelanjutan Tempoh Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi

- 18.1.1 Tempoh latihan provisional PRP boleh dilanjutkan untuk tempoh maksimum satu (1) tahun sepertimana diperuntukkan di bawah Seksyen 6A(3), Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 dengan kelulusan LFM
- 18.1.2 Asas bagi pelanjutan latihan provisional PRP yang boleh dipertimbangkan oleh LFM sebelum memberi kelulusan adalah:
 - 18.1.2.1 Prestasi yang tidak memuaskan [contoh: mendapat markah kurang dari 60% dalam mana-mana modul buku log (elemen kompetensi dan/atau *Personel Assessment*)]
 - 18.1.2.2 Gagal untuk menghantar buku log kepada preceptor untuk penilaian pada hujung tempoh latihan PRP
- 18.1.3 Permohonan pelanjutan tempoh latihan provisional PRP boleh dikemukakan melalui Borang FLL (IV) - Borang Permohonan Untuk Perubahan Tarikh Tamat / Pelanjutan / Pembatalan / Penamatan Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi yang boleh dimuat turun di pautan <https://www.pharmacy.gov.my/v2/ms/dokumen/panduan-pengendalian-latihan-provisional-ahli-farmasi-berdaftar-provisional-prp-secara-liberalisasi.html>.
- 18.1.4 Dokumen sokongan yang perlu dihantar bersama adalah seperti yang dinyatakan di dalam Borang FLL(IV).
- 18.1.5 Permohonan tersebut perlu dihantar ke BLFM melalui e-mel di alamat latihan.prp@moh.gov.my

18.1.6 Permohonan perlu dikemukakan sekurang-kurangnya dua (2) bulan sebelum tamat tempoh asal latihan provisional

18.1.7 Sekiranya PRP masih tidak dapat melengkapkan keperluan buku log (markah pencapaian modul buku log < 60%) selepas tempoh pelanjutan maksima satu (1) tahun, perseptor perlu memohon untuk pembatalan pendaftaran PRP tersebut (rujuk Perkara 20 - Permohonan Pembatalan Nombor Pendaftaran Ahli Farmasi Provisional).

18.2 Perubahan Tarikh Tamat Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi

18.2.1 Keperluan untuk menjalani Latihan Provisional bagi tempoh tidak kurang dari **satu (1) tahun** sebelum layak untuk memohon sebagai FRP telah diperuntukkan di bawah Seksyen 6A(2), Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 dengan kelulusan LFM.

18.2.2 Sehubungan itu, PRP perlu menjalani latihan untuk tempoh tidak kurang daripada satu (1) tahun dan tempoh satu (1) tahun ini adalah termasuk hari ketidakhadiran ke kerja sebanyak **25 hari**. Penetapan 25 hari ketidakhadiran ke kerja ini adalah selaras dengan peruntukan KKM bagi PRP yang menjalani latihan PRP di premis latihan PRP KKM.

18.2.3 PRP masih layak untuk mengambil cuti rehat, cuti sakit dan cuti-cuti yang lain sepertimana diperuntukkan dalam kontrak pekerjaan tetapi sekiranya jumlah cuti rehat, cuti sakit dan kelayakan cuti-cuti lain yang telah diambil adalah melebihi 25 hari, PRP tersebut perlu menggantikan jumlah hari yang tidak hadir ke tempat latihan sehingga tempoh latihan adalah tidak kurang daripada satu (1) tahun. Justeru itu, tarikh tamat latihan PRP akan berubah dari tarikh tamat latihan asal ke satu tarikh tamat latihan yang baru.

18.2.4 Perseptor perlu menghantar borang permohonan ke BLFM untuk memohon pertukaran tarikh tamat latihan PRP

18.2.5 Permohonan perubahan tarikh tamat latihan provisional PRP boleh dikemukakan melalui Borang FLL (IV) - Borang Permohonan Untuk Perubahan Tarikh Tamat Latihan / Pelanjutan / Pembatalan / Penamatan Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi yang boleh dimuat turun di pautan <https://www.pharmacy.gov.my/v2/ms/dokumen/panduan-pengendalian-latihan-provisional-ahli-farmasi-berdaftar-provisional-prp-secara-liberalisasi.html>

18.2.6 Dokumen sokongan yang perlu dihantar bersama adalah seperti yang dinyatakan di dalam Borang FLL(IV).

18.2.7 Permohonan tersebut perlu dihantar ke BLFM melalui e-mel di alamat latihan.prp@moh.gov.my

18.2.8 Permohonan perlu dikemukakan sekurang-kurangnya dua (2) bulan sebelum tarikh tamat asal latihan provisional

19 PERTUKARAN PRP KEPADA PRESEPTOR BAHARU SEMASA MENJALANI LATIHAN PROVISIONAL PRP SECARA LIBERALISASI

19.1 Pertukaran PRP ke preseptor baharu semasa menjalani latihan provisional HANYA dibenarkan dalam keadaan berikut dengan kelulusan BLFM sahaja:

19.1.1 Ketiadaan preseptor (samada preseptor meletak jawatan, diberhentikan oleh syarikat, menghadapi masalah kesihatan dsb)

19.1.2 FLL ditutup atas sebab bankrap atau disita

19.1.3 Preseptor dikenakan tindakan akibat dari pelanggaran kepada akta/peraturan yang berkuatkuasa, dsb.

19.2 PRP boleh ditukarkan ke preseptor baharu di **premis yang sama** atau di **premis yang lain** dengan syarat:

19.2.1 **preseptor** baharu telah memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh LFM dan **telah diiktiraf** oleh BLFM dan

19.2.2 **premis** yang terlibat telah memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh LFM dan **telah diiktiraf** oleh LFM

19.3 Permohonan bagi pertukaran preseptor perlu dikemukakan melalui surat rasmi yang ditandatangani oleh kedua-dua preseptor asal dan preseptor baharu

19.4 Permohonan tersebut perlu dikemukakan ke alamat email latihan.prp@moh.gov.my sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum PRP ditukarkan kepada preseptor baharu

19.5 Pertukaran PRP kepada preseptor baharu, sama ada di FLL yang sama atau FLL yang lain semasa PRP sedang menjalani latihan provisional adalah **tidak dibenarkan** tanpa kelulusan LFM

19.6 Maklumat serta dokumen yang perlu dikemukakan semasa permohonan pertukaran PRP ke preseptor baru adalah seperti berikut:

19.6.1 Surat persetujuan preseptor baharu untuk menerima PRP

19.6.2 Dokumen bukti bagi alasan pertukaran preseptor (Contoh: Surat Tawaran Kerja, Dokumen Perubatan dan dokumen lain yang berkaitan)

19.6.3 Salinan modul buku log yang telah diberi markah penilaian (contoh seperti di **Rajah A1** dan **Rajah A2**)

19.6.4 *Appendix A* di buku log dengan pemarkahan bagi komponen yang telah lengkap (contoh seperti di **Rajah B**)

Rajah A1: Contoh Salinan Modul Buku Log Yang Telah Diberi Markah Penilaian

Community Pharmacy

COMMUNITY PHARMACY ASSESSMENT

A. UNDERSTANDING LEGISLATIONS AND GUIDELINES

Knowledge	Level of Understanding										Comments	Name and Signature of Preceptor
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10		
i) Community Pharmacy Benchmarking Guideline										✓	Assessment untuk setiap sub-komponen	
ii) Good Dispensing Practice Guideline										✓		
iii) Good Distribution Practice										✓		
iv) Code of Conduct for Pharmacist & Bodies Corporate							✓			✓		
v) Good Governance of Medicine (GGM)								✓		✓		
vi) National Medicine Policy (NMP)							✓			✓		
vii) Good Pharmaceutical trading practice guideline										✓		
viii) Business Licensing Procedure										✓		

Nama PRP : abcd
 NO. PRP : XXXX00, RPh 6969
 I C DATAYANI A/P RAMADGG, RPh 6969
 Ketua Penolong Pengarah
 Lembaga Farmasi Malaysia
 Kementerian Kesihatan Malaysia

Maklumat Prp
 Nama Preceptor, cop, dan tandatangan preceptor di atas maklumat PRP (cara endors)

Rajah A2: Contoh Salinan Modul Buku Log Yang Telah Diberi Markah Penilaian

Community Pharmacy

B. COMMUNITY PHARMACY PRACTICE

Knowledge	Level of Understanding										Comments
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
Section 1: Dispensing Process of a Prescription (Poison Group B)								✓			
1.1 Medical and Medication History Taking							✓				
1.2 Processing Prescription and Intervention							✓				
1.3 Filling and Dispensing (Including Labeling and Recording)							✓				
Section 2: Minor Ailments Management											in progress
Section 3: Medication Counseling											in progress
Section 4: Wellness Management											in progress
Section 5: Drug Information Service											
Section 6: Handling of Medication Error Reporting and Adverse Drug Reaction Reporting e.g Filling up MADRAC form.							✓				In progress

Nama PRP : abcd
 NO. PRP : XXXX00, RPh 6969
 I C DATAYANI A/P RAMADGG, RPh 6969
 Ketua Penolong Pengarah
 Lembaga Farmasi Malaysia
 Kementerian Kesihatan Malaysia

Rajah B: Appendix A pada Buku Log Dengan Pemarkahan Bagi Komponen Yang Telah Lengkap

SAMPEL 2

Community Pharmacy

Appendix A

SUMMARY OF PERFORMANCE (%) FOR EACH SECTION

NO.	SECTION	MARK %
1.	Understanding Legislations And Guidelines (Assessment)	87.5%
2.	Community Pharmacy Practice (Logbook & Assessment)	In progress
3.	Pharmacy and Business Management (Assessment)	In progress
4.	Out-patient Pharmacy Services (Health Clinic attachment) (Logbook & Assessment)	In progress
AVERAGE MARK		
PRP PERSONAL ASSESSMENT AVERAGE PERFORMANCE		
1	Demonstrate a Professional Approach	} In progress
2	Work Effectively as Part of a Team	
3	Undertake Personal and Professional Development	
4	Communication Skills	
5	Integrity	
AVERAGE MARK		

Maklumat PRP

Nama PRP: abcd
 NO-PRP: xxxxx
 IC: xxxxx
 DRICRIANI A/P Pengarah
 Ketua Perkhidmatan Pengarah
 Lembaga Farmasi Malaysia
 Kementerian Kesihatan Malaysia

Nama Preseptor, cop dan tandatangan Preseptor di atas maklumat PRP

20 PENAMATAN LATIHAN PRP SEBELUM TAMAT TEMPOH LATIHAN PROVISIONAL ASAL

20.1 PRP boleh ditamatkan tempoh latihannya sebelum tamat tempoh latihan asal dengan:

20.1.1 alasan PRP bermasalah dari segi tingkah laku dan disiplin (contoh: tidak hadir bertugas, tidak amanah, tidak mengikuti arahan preseptor atau tidak mematuhi pelan tindakan preseptor yang bertujuan untuk penambahbaikan PRP dari segi kompetensi dan tingkah laku)

20.1.2 permintaan PRP sendiri (contoh: PRP ingin untuk meletak jawatan sebelum tamat tempoh latihan provisional)

20.2 Permohonan penamatan boleh dibuat semasa tempoh Latihan Provisional asal atau semasa tempoh lanjutan Latihan Provisional

20.3 Permohonan penamatan latihan provisional PRP perlu dikemukakan melalui Borang FLL (IV) - Borang Permohonan Untuk Pelanjutan/Pembatalan/Penamatan Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi yang boleh dimuat turun di pautan [Panduan Pengendalian Latihan Provisional Ahli Farmasi Berdaftar Provisional \(PRP\) Secara Liberalisasi Di Bawah Lembaga Farmasi Malaysia | Program Perkhidmatan Farmasi \(pharmacy.gov.my\)](https://pharmacy.gov.my)

20.4 Permohonan tersebut perlu dihantar ke BLFM melalui e-mel di alamat latihan.prp@moh.gov.my

20.5 Permohonan perlu dikemukakan sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum PRP ditamatkan latihan provisional di FLL yang terlibat

20.6 Preseptor boleh menilai PRP bagi komponen-komponen yang telah dilengkapi sebelum diberhentikan

20.7 Secara umumnya tempoh maksimum untuk melengkapkan latihan PRP bagi mana-mana PRP adalah selama dua (2) tahun bermula dari tarikh mula latihan yang disebut dalam Notis Pemberitahuan BLFM Untuk Memulakan Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi

20.8 Sehubungan itu bagi PRP yang telah ditamatkan latihan provisional dibenarkan untuk:

20.8.1 Mengulangi semula latihan provisional untuk jenis buku log yang sama atau berlainan di premis yang baru dengan kelulusan BLFM melalui Borang FLL (II) - Pemakluman Untuk Menjalani Latihan provisional PRP Secara Liberalisasi (Rujuk Perkara 12) sekiranya baki tempoh latihan adalah mencukupi untuk melengkapkan latihan provisional untuk tempoh tidak kurang dari satu (1) tahun (rujuk perkara 20.7)

20.8.2 Menyambung latihan dengan kelulusan BLFM melalui Borang FLL (II) - Pemakluman Untuk Menjalani Latihan provisional PRP Secara

Liberalisasi (Rujuk Perkara 12) untuk komponen buku log yang masih belum dilengkapi di premis yang baru dengan syarat:

- 20.8.2.1 Jenis buku log adalah sama
- 20.8.2.2 Baki tempoh untuk melengkapkan latihan adalah masih mencukupi (rujuk perkara 20.7)
- 20.8.2.3 Komponen-komponen yang lain di buku log telah dinilai oleh preseptor di premis yang lama

21 PERMOHONAN PEMBATALAN NOMBOR PENDAFTARAN AHLI FARMASI PROVISIONAL

- 21.1 Preseptor perlu memohon untuk membatalkan nombor pendaftaran PRP sekiranya PRP gagal melengkapkan komponen buku log dalam tempoh maksimum dua (2) tahun dari tarikh mula latihan provisional
- 21.2 Tempoh dua tahun tersebut adalah termasuk satu (1) tahun tempoh latihan provisional asal dan satu (1) tahun tempoh pelanjutan latihan provisional
- 21.3 Permohonan pembatalan nombor pendaftaran PRP perlu dikemukakan melalui Borang FLL (IV) - Borang Permohonan Untuk Mengemaskini Status Latihan PRP Secara Liberalisasi (Pelanjutan/ Penamatan/ Pembatalan) yang boleh dimuat turun di pautan <https://www.pharmacy.gov.my/v2/ms/dokumen/panduan-pengendalian-latihan-provisional-ahli-farmasi-berdaftar-provisional-prp-secara-liberalisasi.html>
- 21.4 Borang permohonan tersebut perlu dikemukakan secara online ke alamat e-mel latihan.prp@moh.gov.my
- 21.5 Permohonan perlu disertakan bersama dengan dokumen sokongan yang berkaitan (contoh: *Appraisal* dan *Appendix A* atau *A1* dalam buku log)

22 ADUAN

- 22.1 Preseptor dan juga PRP boleh membuat aduan berkaitan Latihan Provisional secara bertulis dengan menyertakan dokumen sokongan berkaitan kepada BLFM di alamat seperti berikut:

Setiausaha Lembaga Farmasi Malaysia
Lot 36, Jalan Prof Diraja Ungku Aziz 46200 Petaling Jaya
Selangor

- 22.2 BLFM akan menilai kesahihan maklumat yang disediakan dalam aduan yang diterima dan jika terdapat asas kepada aduan tersebut, satu Jawatankuasa Siasatan [*Committee of Inquiry (COI)*] akan ditubuhkan bagi tujuan penyiasatan, jika perlu.

22.3 Hukuman yang akan dikenakan kepada pihak yang disabitkan kesalahan adalah berdasarkan kepada keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa tersebut

23 TINDAKAN PUNITIF TERHADAP PREMIS DAN/ATAU PRESEPTOR YANG MELANGGAR AKTA DAN POLISI-POLISI LFM

23.1 Mana-mana premis dan/atau preseptor yang melanggar sebarang akta dan/atau polisi-polisi LFM yang berkaitan dengan latihan provisional PRP boleh dikenakan tindakan punitif secara administratif

23.2 Tindakan punitif secara administratif yang dikenakan adalah bergantung kepada tahap kesalahan (*severity*) yang ditetapkan seperti di jadual 1 berikut:

Bil.	Tahap Kesalahan	Jenis Pelanggaran	Status Kesalahan	Status Preseptor/premis	Tindakan Punitif
1.	Serius (Severe)	Pelanggaran kepada akta / peraturan yang berkuatkuasa	Telah disabit kesalahan dan dijatuhkan hukuman oleh mahkamah atau telah dikompaun / COI	<ul style="list-style-type: none"> • Preseptor yang belum dilantik • Premis yang belum diiktiraf 	Tidak dibenarkan untuk memohon bagi tempoh lima (5) tahun dari tarikh dijatuhkan hukuman mahkamah / kompaun
				<ul style="list-style-type: none"> • Preseptor yang telah dilantik • Premis yang telah diiktiraf 	<p>Dibatalkan status sebagai preseptor / premis bagi latihan PRP</p> <p>Tempoh pembatalan sebagai preseptor / premis latihan PRP adalah selama lima (5) tahun dari tarikh dijatuhkan hukuman mahkamah / kompaun</p>
		Pelanggaran kepada <i>Code of Ethics for Pharmacists</i>	Dalam proses siasatan untuk tujuan pendakwaan atau pengkompaunan / siasatan COI	<ul style="list-style-type: none"> • Preseptor yang belum dilantik • Premis yang belum diiktiraf 	Dibenarkan untuk mohon dan dilantik sebagai preseptor / premis latihan sehingga keputusan siasatan dikeluarkan
				<ul style="list-style-type: none"> • Preseptor yang telah dilantik • Premis yang telah diiktiraf 	Dikekalkan sebagai preseptor / premis latihan sehingga keputusan siasatan dikeluarkan

Bil.	Tahap Kesalahan	Jenis Pelanggaran	Status Kesalahan	Status Preseptor/premis	Tindakan Punitif
2.	Sederhana (<i>Moderate</i>)	Pelanggaran ke atas mana-mana syarat / polisi LFM (termasuk kepada Aku-Janji LFM)	Berlaku pelanggaran syarat / polisi LFM	<ul style="list-style-type: none"> • Preseptor yang belum dilantik • Premis yang belum diiktiraf 	Tidak dibenarkan untuk memohon bagi tempoh dua (2) tahun dari tarikh surat pemakluman tindakan punitif dikeluarkan.
				<ul style="list-style-type: none"> • Preseptor yang telah dilantik • Premis yang telah diiktiraf 	Digantung status sebagai preseptor / premis bagi latihan PRP Tempoh pergantungan adalah selama dua (2) tahun dari tarikh surat pemakluman tindakan punitif dikeluarkan
			Dalam proses penyiasatan oleh sekretariat LFM	<ul style="list-style-type: none"> • Preseptor yang belum dilantik • Premis yang belum diiktiraf 	Dibenarkan untuk mohon dan dilantik sebagai preseptor / premis latihan sehingga keputusan siasatan dikeluarkan
				<ul style="list-style-type: none"> • Preseptor yang telah dilantik • Premis yang telah diiktiraf 	Dikekalkan sebagai preseptor / premis latihan sehingga keputusan siasatan dikeluarkan

Jadual 1 Tindakan punitif secara administratif yang dikenakan

23.3 Sekiranya terdapat mana-mana PRP yang sedang menjalani latihan provisional di bawah preceptor/premis yang dikenakan tindakan punitif seperti di Jadual 1 boleh dibenarkan untuk:

23.3.1 menyambung latihan di bawah preceptor/premis yang sama sehingga tamat latihan

23.3.2 menyambung latihan di bawah preceptor/premis baru. Walau bagaimanapun mana-mana komponen buku log yang telah tamat dilatih di premis asal perlu dinilai oleh preceptor asal sebelum berpindah ke premis baru [permohonan untuk menyambung latihan di premis baru perlu dikemukakan melalui Borang FLL (II) - Pemakluman Untuk Menjalani Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi (Rujuk perkara 12)]

23.3.3 mengulangi semula latihan di bawah preceptor/premis baru dengankelulusan BLFM [permohonan untuk mengulangi semula latihan perlu dikemukakan melalui Borang FLL (II) - Pemakluman Untuk Menjalani Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi (rujuk perkara 12)]

24 BUKU LOG

24.1 Preceptor perlu menilai dan mencatat pencapaian PRP di buku log dari masa ke semasa

24.2 Setelah tamat tempoh latihan PRP, preceptor perlu melengkapkan *Appraisal by Master Preceptor* dan *Appendix A* dengan lengkap untuk permohonan FRP

24.3 Buku log tersebut perlu disimpan di FLL bagi tempoh 3 tahun setelah PRP berdaftar sebagai FRP

25 TANGGUNGJAWAB MAJIKAN

25.1 Memastikan terdapat preceptor di premis yang didaftarkan sebagai FLL bagi tujuan Latihan Provisional

25.2 Memastikan kebajikan PRP akan sentiasa dipelihara

25.3 Memastikan agar tiada sebarang pelanggaran kepada mana-mana Akta dan Peraturan yang berkuatkuasa berlaku di premis tersebut

25.4 Memastikan Buku Log disimpan di FLL bagi tempoh 3 tahun

25.5 Memastikan PRP menjalani Latihan Provisional HANYA di FLL yang diluluskan oleh BLFM

26 TANGGUNGJAWAB PRESEPTOR

- 26.1 Memastikan PRP menjalani Latihan Provisional di FLL yang diluluskan sahaja
- 26.2 Memastikan PRP mendapat latihan yang secukupnya berdasarkan jenis Buku Log latihan PRP (mengikut jenis fasiliti)
- 26.3 Memastikan PRP menerima latihan yang diperlukan bagi pembangunan kompetensi PRP
- 26.4 Memastikan penerapan sikap profesionalism dan nilai murni kepada PRP
- 26.5 Memantau setiap aktiviti yang dijalankan oleh PRP dan menjadi sumber rujukan utama kepada PRP sepanjang tempoh Latihan Provisional
- 26.6 Menilai prestasi PRP secara berkala dan mengeluarkan pelan tindakan atau surat amaran (sekiranya ada keperluan) untuk penambahbaikan PRP semasa tempoh Latihan Provisional
- 26.7 Membuat penilaian ke atas prestasi dan pencapaian PRP di dalam buku log
- 26.8 Memastikan nisbah preseptor kepada PRP adalah 1:2 seperti yang ditetapkan oleh LFM di mana hanya terdapat dua (2) PRP berada di bawah seliaan seorang preseptor pada bila-bila masa
- 26.9 Preseptor perlu mematuhi *Code of Ethics for Pharmacists* yang telah digariskan oleh LFM

27 TANGGUNGJAWAB PRP

- 27.1 Memenuhi keperluan modul latihan buku log dalam tempoh masa yang ditetapkan
- 27.2 Komited dalam melaksanakan kesemua modul latihan buku log dengan sikap positif
- 27.3 Berusaha untuk mendapatkan pengetahuan dan kemahiran melalui proses pembelajaran, pemerhatian, pembacaan dan pertanyaan
- 27.4 Terlibat dalam program pembangunan pembelajaran berterusan bagi peningkatan kompetensi
- 27.5 Mematuhi polisi yang ditetapkan majikan/preseptor
- 27.6 Tidak menukar premis latihan liberalisasi selepas memulakan Latihan Provisional yang ditetapkan tanpa kelulusan LFM

- 27.7 Membuat permohonan Sijil Pendaftaran Penuh Ahli Farmasi kepada LFM melalui sistem PRiSMA apabila selesai menjalani tempoh Latihan Provisional dengan jayanya dan memenuhi kesemua modul buku log yang ditetapkan.


SENARAI JENIS BORANG PERMOHONAN TERLIBAT DALAM LATIHAN LIBERALISASI PRP

1. **Borang FLL (I)**
Borang Permohonan Pengiktirafan Premis Dan/Atau Preseptor Bagi Latihan Provisional Secara Liberalisasi
2. **Borang FLL (IA)**
Borang Permohonan Pengiktirafan Hospital Di Bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) & Kementerian Pertahanan Malaysia (KPM) Sebagai Fasilitas Latihan Liberalisasi (FLL)
3. **Borang FLL (II)**
Borang Pemakluman Untuk Menjalani Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi
4. **Borang FLL (III)**
Pemakluman Untuk Menjalani Latihan Sangkutan Di Hospital Swasta
5. **Borang FLL (IV)**
Borang Permohonan Untuk Perubahan Tarikh Tamat / Pelanjutan / Pembatalan / Penamatan Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi


SENARAI NOTIS YANG DIKELUARKAN OLEH BLFM

1. Notis Pemberitahuan BLFM Untuk Memulakan Latihan Provisional PRP Secara Liberalisasi


CARTA ALIRAN 1 – PROSES PENGIKTRIFAN FRP SEBAGAI PRESEPTOR (SEKTOR FARMASI KOMUNITI)



CARTA ALIRAN 2 - PROSES PENGIKTRIFAN FRP SEBAGAI PRESEPTOR (SEKTOR SELAIN DARIPADA FARMASI KOMUNITI)



CARTA ALIRAN 3 – PROSES MEMULAKAN LATIHAN PROVISIONAL PRP SECARA LIBERALISASI DI FLL



SENARAI KATA SINGKATAN

BLFM	Bahagian Lembaga Farmasi Malaysia
CEO	<i>Chief Executive Officer</i>
CPBG	<i>Community Pharmacy Benchmarking Guideline</i>
CPF	Cawangan Penguatkuasaan Farmasi
FLL	Fasiliti Latihan Liberalisasi
FRP	<i>Fully Registered Pharmacist</i>
IPTA/S	Institusi Pengajian Tinggi Awam / Swasta
LFM	Lembaga Farmasi Malaysia
PRP	<i>Provisionally Registered Pharmacist</i>
TOP	<i>Training of Preceptor</i>

Disediakan oleh :Seksyen Fasiliti Latihan & ARC

Disemak oleh :Timbalan Pengarah (Cawangan Pendaftaran) BLFM

Diluluskan oleh :Pengarah Bahagian Lembaga Farmasi Malaysia BLFM